

PM macam orang yang berpengaruh halang perubahan

UM 11 MARI 1996

KUALA LUMPUR 10 Mac — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mengemukakan hebat golongan yang dianggapnya "orang-orang berpengaruh di Malaysia" yang cuba menghalang perubahan dalam pentadbiran yang dibawa oleh kerajaan untuk kepentingan rakyat.

Beliau berkata, golongan itu menjalankan kempen untuk menggagalkan perubahan dan dengan itu matlamat kerajaan terganggu. "Maka mungkin benarlah ramalan pengkritik ini kononnya rancangan kerajaan tidak boleh berjaya," tegas beliau.

Berucap di majlis jamuan makan malam Kelab Wartawan Malaysia di sini malam ini katanya, semajak beberapa tahun yang lampau kerajaan telah cuba membawa perubahan dalam pentadbiran negara dan pendekatan yang digunakan. Ini dibuat kerana kepercayaan bahawa rakyat inginkan perubahan.

"Sebab itulah kerajaan cuba membentuk pentadbiran yang lebih cekap, lebih bersih, lebih beramah-mah. Sebab itulah kita mencipta pendirian yang bebas dan sanggup menuntut hak kita di merata dunia dan sebab itulah kita cuba menjadikan negara kita negara industri dan bukan semata-mata sebagai negara pengeluar bah-

an mentah untuk negara maju," tegas beliau.

"Tetapi malangnya, apabila perubahan dibuat ada di antara kita yang cuma mencari kesalahan. Bersih, cekap dan amanah kononnya tidak bermakna kerana ini tidak bersih, tidak cekap dan tidak beramah-mah," tambahnya.

Tunduk

Menurut Perdana Menteri, walaupun tidak ada bukti anggapan ini benar, tetapi mereka menciptanya pula kononnya proses industrialisasi tidak betul. Kenapa industri berat? Kita tidak mampu, kita tidak ada teknologi.

Beliau berkata, golongan tersebut juga mempersoal "kenapa cuba menentang kuasa yang lebih kuat daripada kita? Bukankah lebih selamat kalau kita tunduk sahaja?"

"Kenapa tiru Jepun. Kita tidak mahu jadi Jepun. Tiru orang putih tidak mengapa, kerana memang orang putih lebih 'superior' daripada kita. Orang putih celup tidak apa, jangan Jepun celup," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, golongan itu mengangap Malaysia adalah ladang desa dan lombong dunia semata-mata, tidak lebih dari itu. "Dunia bercucuk tanam di sana sini

untuk 'Western Civilization', tetapi bagi orang-orang ini janganlah Malaysia berangan-angan menjadi lebih daripada ladang dan lombong dunia sahaja," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa keadaan ini amat menyedihkan sekali kerana apabila sesuatu bangsa tidak mempunyai kepercayaan kepada diri sendiri maka sudah tentu bangsa itu akan kekal dalam kehinaan."

"Nampaknya inilah yang sedang diusahakan oleh setengah orang di Malaysia. Usaha kerajaan untuk menjadikan negara dan banesa Malaysia lebih mu-

lia dihalang oleh orang yang berpengaruh ini di Malaysia sendiri," ujar beliau.

Mengenai demokrasi rakyat mungkin beranggapan adanya sistem demokrasi dalam sesebuah negara itu rakyat dapat bebas dari ketakutan dan dari apa jua tindakan kerajaan.

Tetapi dalam hal ini, katanya bolehkah perasaan takut itu hilang jika adanya demokrasi dalam kerajaan sedangkan perasaan takut itu boleh datang juga dalam bentuk lain.

Umpamanya, jelas beliau, sesebuah masyarakat

DARI MUKA 1

dalam sistem demokrasi itu boleh terdedah kepada perasaan takut difitnah atau dimusnah masa hadapannya oleh golongan masyarakat yang lain.

Jelaslah, katanya demokrasi tidak boleh meletakkan perasaan takut itu kerana ada lagi keadaan yang boleh membawa kepada faktor-faktor atau keadaan yang tidak menyenangkan.

Umpamanya ketakutan terhadap kecederaan fizikal dapat dielakkan tetapi ketakutan dari segi lain tidak dapat diatasi "kerana" pembunuhan bukan hanya perlu dibuat melalui peluru atau pisau."

"Seseorang itu masih boleh 'dibunuh' dengan menjatuhkan maruahnya melalui fitnah dan dalam sebuah negara demokrasi ini boleh dilakukan dengan mudah," katanya.

TIHAT MUKA 5